

30 OCT 1996

Rebat

KERAJAAN TETAP HARAPKAN REBAT KHAS

PULAU PINANG, 30 Okt (Bernama) -- Kerajaan negeri tetap berharap agar kerajaan pusat melayani tuntutanannya untuk mendapatkan rebat khas daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebagai pampasan kepada rakyat negeri ini yang mengalami gangguan elektrik selama 10 hari pada Jun tahun lepas.

Pengerusi Jawatankasa Perundingan Bekalan Elektrik Negeri Datuk Yahaya Abdul Hamid hari ini berkata, kerajaan negeri telahpun mengemukakan tuntutan itu secara bertulis kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas.

Surat permohonan yang dihantar oleh Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon itu juga meminta agar formula rebat 10 peratus yang sama seperti diberikan kepada rakyat seluruh negara dapat dijadikan asas tuntutan khas itu, katanya.

Beliau memberitahu sidang berita selepas merasmikan Pencawang Pembahagian Utama TNB di Midlands Park di sini, berdasarkan formula itu, kerajaan negeri berharap agar rebat 10 peratus itu dinikmati selama 10 bulan berikutan masalah gangguan elektrik selama 10 hari itu.

Yahaya juga berkata, jumlah beban elektrik di negeri ini telah menurun sebanyak 0.6 peratus dalam tempoh sebulan pada September lepas dengan penggunaan sebanyak 837.34 megawatt berbanding 837.83 megawatt pada Ogos.

Penurunan itu mungkin disebabkan beberapa buah kilang perindustrian sedang menyusun semula operasi mereka, katanya.

Bagaimanapun jumlah pelanggan TNB meningkat sebanyak 1,575 pelanggan dalam tempoh sebulan itu berikutan pertumbuhan kawasan perumahan baru di negeri ini.

Pada majlis itu, Yahaya merasmikan Pencawang Pembahagian Utama yang bernilai RM7.6 juta bagi menampung tambahan 15 megawatt untuk kegunaan di kawasan Midlands Park dan sekitar Pulau Tikus di sini.

-- BERNAMA

AA PR